

100 keluarga beraya di pusat pemindahan banjir.

UM 28/10/2006

Oleh ROSMAWATI MION

Hujan lebat sejak beberapa hari lalu menyebabkan berlakunya banjir dan malangnya ia berlaku menjelang Hari Raya

MAHDZIR KHALID
Menteri Besar
Kedah

pusat pemindahan Kampung Lahar dekat sini petang ini.

Setakat ini hanya tiga daerah iaitu Kubang Pasu, Pendang dan Pokok Sena dilanda banjir.

Bagaimanapun, tiada pusat pemindahan banjir dibuka di Pendang memandangkan kebanyakan mangsa hanya berpindah ke rumah saudara-mara.

Mahdzir memberitahu, Bilik Gerakan Banjir telah dibuka di Bahagian Keselamatan Negara (BKN) Kedah, malah kerajaan negeri juga sentiasa memantau perkembangan terkini untuk memastikan mangsa-mangsa dapat dipindahkan ke kawasan selamat.

Katanya, bantuan kepada mangsa-mangsa banjir juga telah mula dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan UM-

■ Lihat muka 2

Sementara itu di Pokok Sena, 22 keluarga dari tiga kampung di Mukim Lesong turut dipindahkan ke tiga pusat pemindahan iaitu 10 keluarga di dewan orang ramai Kampung Lubuk Keriang dan enam keluarga masing-masing di surau Kampung Permatang Limau dan dewan Amanah Ikhtiar Kampung Gulau.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, banjir di Kedah dijangka memakan masa untuk surut berdasarkan keadaan hujan lebat dan ribut petir ketika ini.

Sehubungan itu, beliau berharap mang-

sa-mangsa banjir itu bersabar menerima dugaan tersebut lebih-lebih lagi ia berlaku ketika umat Islam sedang membuat persiapan akhir untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri.

"Hujan lebat sejak beberapa hari lalu menyebabkan berlakunya banjir dan malangnya ia berlaku menjelang Hari Raya.

"Saya berharap banjir akan segera pulih dan mangsa-mangsa banjir dapat kembali ke rumah masing-masing untuk menyambut Aidilfitri," kata Mahdzir kepada pemberita selepas melawat mangsa-mangsa banjir di

100 keluarga beraya di pusat pemindahan banjir

NO.

Mahdzir berkata, semua pegawai daerah di Kedah diarahkan mengambil tindakan segera jika kawasan mereka mula dinaiki air berikutan hujan lebat.

"Penduduk yang tinggal berdekatan sungai dan kawasan yang sering dilanda banjir dinasihatkan supaya sentiasa berjaga-jaga terutama pada waktu malam.

"Mereka juga perlu mengutamakan keselamatan diri dan membawa bersama dokumen-dokumen penting ketika berpindah," ujarnya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Bukit Lada, **Ariffin Man** memberitahu, bagi penduduk di Kampung Lubuk Keriang, pihaknya akan menganjurkan sambutan Hari Raya Aidilfitri di jalan-jalan berdekatan tali air kawasan tersebut kerana kemungkinan besar banyak mangsa tidak dapat kembali ke rumah masing-masing.

"Kita mahu mereka tetap merasai suasana Hari Raya walaupun terpaksa berhari raya di pusat pemindahan banjir," katanya.

Di **KANGAR**, *Bernamea* melaporkan, sebanyak 12 mangsa banjir daripada tiga keluarga di Kampung Jelempek dekat sini dipindahkan ke dewan orang ramai Jelempek berikutan banjir yang melanda kawasan itu pada malam dan pagi tadi.

Penolong Pegawai Operasi Jabatan Pertahanan Awam (JPA3), **Sarjan Syed**

Nazri Syed Hassan berkata, setakat pukul 4.30 petang ini, air berada pada paras 0.5 meter dan mula mengalir keluar ke kawasan hutan Kandis dan sempadan Kodiang-Jelempek.

"Buat masa ini, kita buat persediaan di dewan orang ramai Jelempek. Ada kemungkinan bilangan keluarga akan bertambah kalau hujan lebat masih berterusan dalam tempoh yang agak panjang," katanya ketika dihubungi di Kangar.

Syed Nazri berkata, hujan lebat yang berlaku di utara Perlis terutama di kawasan ladang tebu Chuping sejak tiga hari lepas dikatakan menjadi punca banjir itu.

Beliau berkata, setakat ini Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menghantar bekalan barangan keperluan seperti kain selimut, tikar dan juga barang makanan kepada mangsa-mangsa banjir.

Menteri Besar, **Datuk Seri Shahidan Kassim** yang meninjau kawasan terlibat berkata, bekalan makanan dan barangan keperluan akan dibekalkan dari semasa ke semasa kepada mangsa-mangsa banjir terbabit.

"Setakat ini satu penempatan mangsa banjir dibuka di Jelempek manakala banjir di lokasi lain masih berada pada tahap yang tidak teruk. Kita akan pastikan bekalan makanan dan lain-lain bahan keperluan sampai kepada mangsa-mangsa sehingga keadaan banjir pulih," katanya.